



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,  
75450 Melaka

Tel: 06-2895000

Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207

Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM/MEL/N/05(7)  
Tarikh : 12 Jun 2020

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
Dibawah seliaan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka**

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Dato' Seri/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**KELULUSAN UNTUK MELUPUSKAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Dato' Seri/Dato'/Datin/Tuan/Puan, selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 150, semua permohonan pelupusan rekod kewangan dan perakaunan perlu mendapatkan kebenaran daripada Ketua Pengarah Arkib Negara dan Ketua Audit Negara sebelum dikemukakan kepada Akauntan Negara untuk kelulusan.

3. Amalan sekarang, kelulusan pelupusan rekod kewangan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang diterima daripada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) seluruh negara adalah melalui Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD), JANM Putrajaya.

4. Selaras dengan harapan Kerajaan untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan, **mulai 01 April 2020** semua permohonan pelupusan rekod kewangan dan perakaunan hendaklah dihantar ke Jabatan ini setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Audit Negara Malaysia Negeri Melaka dan Jabatan Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka. Ini bertujuan supaya PTJ dapat berhubung atau membuat pertanyaan mengenai perkara ini dengan lebih mudah.

5. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh diajukan kepada Puan Nur Adila Binti Abdul Razak di talian 06-289 5008 atau Encik Muhamad Haris Badrin Bin Azmi di talian 06-289 5005.

6. Kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Dato' Seri/Dato'/Datin/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"***

Saya yang menjalankan amanah,



**( SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M) )**

Pengarah,  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,  
Negeri Melaka.

s.k. Pengarah  
Arkib Negara Malaysia Melaka  
Aras 8, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya  
Ayer Keroh  
**75450 MELAKA**

Pengarah  
Jabatan Audit Negara Malaysia  
Negeri Melaka  
Wisma Audit, Persiaran MITC  
Hang Tuah Jaya  
Ayer Keroh  
**75450 MELAKA**